## LATAR BELAKANG

Sayembara ini bertujuan untuk menggalakkan para penulis daripada pelbagai kaum untuk bergiat dalam penulisan kreatif berbahasa Melayu sebagai memenuhi keperluan bahan bacaan yang bermutu untuk generasi muda.

## OBJEKTIF

1. Memperoleh novel sejarah Malaysia.
2. Mempertajam kemahiran dan kreativiti dalam penghasilan novel sejarah.
3. Menimbulkan minat pengkarya tempatan untuk menulis dan menerbitkan karya mereka dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
4. Menambahkan khazanah terbitan DBP dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dalam bentuk novel sejarah untuk pembaca remaja.

## HADIAH

Pertama – RM8000.00

Kedua – RM6000.00

Ketiga – RM4000.00

Sagu hati – RM2000.00 x 5 orang (RM10 000.00)

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN SAYEMBARA

1. Penyertaan sayembara ini terbuka kepada warganegara Malaysia tanpa had umur.

2. Novel sejarah untuk pembaca sasaran remaja berumur 13 – 21 tahun; mengandungi antara 150 – 250 halaman manuskrip.

3. Hasil karya hendaklah ditaip di atas kertas saiz A4 dalam jarak langkau dua baris dengan menggunakan fon Arial saiz 12 poin. Muka surat mestilah ditaip pada setiap halaman manuskrip. Teks hendaklah dicetak sebelah muka surat kertas sahaja.

4. Hasil karya hendaklah penulisan asli dan bukan ciplak atau terjemahan dan tidak pernah disiarkan atau diterbitkan dalam mana-mana media.

5. Hasil karya tidak boleh mengandungi unsur-unsur negatif yang menyentuh sensitiviti kaum, agama, dan politik.

6. Subjek cerita berlandaskan sejarah Malaysia.

7. Hasil karya yang dihantar tidak akan dikembalikan. DBP berhak menerbitkan karya sayembara ini, tertakluk kepada syarat-syarat penerbitan DBP. Sekiranya karya peserta tidak diterbitkan oleh DBP dalam tempoh enam (6) bulan selepas keputusan sayembara, karya tersebut boleh diterbitkan oleh penerbit lain selepas mendapat izin daripada DBP.

8. Peserta dilarang menerbitkan karya mereka dalam mana-mana media sebelum keputusan diumumkan.

9. Penyertaan yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan tidak akan dinilai. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

10. Sebarang surat-menyurat berkaitan dengan keputusan sayembara tidak akan dilayan.

11. Tarikh tutup penyerahan karya adalah pada **30 September 2015** berserta sinopsis.

12. Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat yang berikut:

Urus Setia,
Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk Remaja DBP-PSM 2015,
Bahagian Buku Kanak-kanak dan Remaja,
Jabatan Penerbitan,
Tingkat 19, Menara DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
atau
E-mel: sayembaranovel@dbp.gov.my

## BENGKEL BIMBINGAN PENULISAN PESERTA SAYEMBARA

1. Bengkel Bimbingan Penulisan akan ditawarkan kepada peserta yang ingin menyertai sayembara ini mengikut zon, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan serta Zon Sabah dan Sarawak.

2. Bengkel ini merupakan inisiatif pihak urus setia untuk membantu para peserta sayembara memantapkan penulisan mereka bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

3. Sila hubungi pihak urus setia untuk menyertai bengkel ini.

Maklumat lanjut sila layari:

**Laman web rasmi DBP**
www.dbp.gov.my
facebook.com/DBPMalaysia
twitter.com/DBPMalaysia

**Laman web rasmi PSM**
www.psm.org.my
e-mel: psejmal@po.jaring.my

**BORANG PENYERTAAN**
SAYEMBARA MENULIS NOVEL SEJARAH UNTUK REMAJA DBP-PSM 2015

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh Lahir :

Alamat :

No. Telefon (Rumah/Pejabat/Bimbit) :

Faksimile/E-mel :

Judul karya :

Sinopsis cerita : (Sediakan lampiran)

Dengan ini saya mengesahkan bahawa karya ini adalah karya asli saya dan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk Remaja DBP-PSM 2015.

Tandatangan :

.............................................................................
( )

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA
Tarikh penerimaan :
No. Pendaftaran :
Tandatangan :

# SAYEMBARA
# Menulis Novel Sejarah untuk Remaja
## DBP-PSM 2015

*anjuran bersama*

Persatuan Sejarah Malaysia

ديوان بهاس دان ڤوستاک
**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
***Malaysia***